

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarkan mulai pada jam 1200, hari Rabu, 22 Jun 2022



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI LAPORAN SURVEI PERBELANJAAN PERLINDUNGAN ALAM SEKITAR 2021

Industri berbelanja RM2.97b kepada perbelanjaan perlindungan alam sekitar ketika pandemik.

PUTRAJAYA, 9 JUN 2022 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini mengeluarkan Laporan Survei Perbelanjaan Perlindungan Alam Sekitar 2021. Laporan ini membentangkan statistik perbelanjaan perlindungan alam sekitar bagi tahun rujukan 2020. Dalam tempoh ini, pemain industri di Malaysia menghadapi persekitaran perniagaan yang mencabar berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam usaha membendung penularan COVID-19.

Mengulas laporan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, perbelanjaan perlindungan alam sekitar yang dikeluarkan oleh pemain industri di Malaysia berjumlah RM 2.97 bilion dengan pertumbuhan sederhana 3.0 peratus di tengah-tengah penguncupan 5.5 peratus Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), kemerosotan aliran bersih Pelaburan Langsung Asing (FDI) sebanyak 54.8 peratus, pengurangan perdagangan antarabangsa sebanyak RM60 bilion kepada RM1.78 trilion dan peningkatan kadar pengangguran ke paras 4.5 peratus, tertinggi sejak 1992 disebabkan oleh pandemik.

Berdasarkan Laporan Survei Perbelanjaan Perlindungan Alam Sekitar 2022, perbelanjaan operasi kekal mendominasi dengan sumbangan 74.4 peratus, manakala 25.6 peratus dibelanjakan untuk perbelanjaan modal. Pengurusan pencemaran mendahului perbelanjaan dengan RM2,103.7 juta atau 70.8 peratus, diikuti oleh pengurusan sisa sebanyak RM766.8 juta (25.8%) dan penilaian dan caj alam sekitar sebanyak RM67.2 juta (2.3%).

Menurut Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin, sektor pembuatan merupakan pemacu utama kepada perbelanjaan perlindungan alam sekitar dengan sumbangan 80.1 peratus. Sektor ini berkembang 9.2 peratus (2019: 19.8%) didorong oleh empat subsektor utama iaitu produk petroleum bertapis, minyak sawit mentah, sebatian bukan organik serta sarung tangan getah. Perbelanjaan perlindungan alam sekitar bagi subsektor pembuatan sarung tangan getah meningkat 2.3 kali lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya didorong oleh peningkatan pengeluaran bagi memenuhi permintaan global semasa pandemik. Eksport sarung tangan getah menunjukkan pertumbuhan yang ketara iaitu 104.5 peratus kepada RM35.9 bilion pada 2020 (2019: RM17.6 bilion) berbanding purata pertumbuhan tahunan 9.8 peratus bagi tempoh 2016 hingga 2019.


Sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang kedua terbesar dengan sumbangan sebanyak 12.3 peratus (RM366.7 juta), menguncup 11.4 peratus diikuti oleh Perlombongan & pengkuarian dengan sumbangan 3.4 peratus (RM100.4 juta), meningkat 4.3 peratus. Sementara itu, sektor Pembinaan menyumbang 3.0 peratus (RM88.4 juta) kepada jumlah perbelanjaan perlindungan alam sekitar, merosot sebanyak 45.2 peratus, manakala Pertanian, Perhutanan & Perikanan menyumbang sebanyak 1.2 peratus (RM34.9 juta), meningkat sebanyak 6.9 peratus.

Ketua Perangkawan Malaysia seterusnya menambah bahawa pandemik turut meningkatkan perbelanjaan perlindungan alam sekitar untuk subsektor rawatan dan pelupusan sisa dengan perbelanjaan sebanyak RM162.7 juta (2019: RM155.1 juta), meningkat sebanyak 4.9 peratus. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan kuantiti sisa klinikal daripada kemudahan kesihatan termasuk peralatan pelindung diri (PPE) dan peralatan ujian COVID-19 untuk pengendalian pesakit COVID-19 di fasiliti kesihatan dan pusat kuarantin yang diwartakan kerajaan.

Selain itu, Johor membelanjakan jumlah terbesar perbelanjaan perlindungan alam sekitar pada 2020 iaitu RM808.8 juta, diikuti Selangor RM530.4 juta dan Terengganu RM236.4 juta. Ketiga-tiga negeri ini menyumbang kepada 53.0 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan https://bit.ly/PocketStatsS1_2022.



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

22 JUN 2022

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hours, Wednesday, June 22, 2022



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

***MEDIA STATEMENT
FOR REPORT ON THE SURVEY OF ENVIRONMENTAL PROTECTION
EXPENDITURE 2021***

Industries spent RM2.97b on environmental protection during pandemic.

PUTRAJAYA, JUNE 22, 2022 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released Report on The Survey of Environmental Protection Expenditure 2021. The report presents the statistics on the environmental protection expenditure for the reference year of 2020. During this period, industry players in Malaysia faced a challenging business environment due to the implementation of the Movement Control Order (MCO) in an effort to curb the spread of COVID-19.

Commenting on the report, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, said, the environmental protection expenditure spent by industry players in Malaysia stood at RM2.97 billion with a moderate growth of 3.0 per cent amid 5.5 per cent contraction in Gross Domestic Product (GDP), declined net flows of Foreign Direct Investment (FDI) by 54.8 per cent, international trade reduced by RM60 billion to RM1.78 trillion and the unemployment rose to the highest level since 1992 to record 4.5 per cent due to the pandemic.

Based on Environmental Protection Survey Report 2021, the operating expenditure remained dominant with a share of 74.4 per cent, whereas 25.6 per cent was spent

on capital expenditure. The pollution management topped the expenditure at RM2,103.7 million or 70.8 per cent, followed by the waste management at RM766.8 million (25.8%) and environmental assessment and charges at RM67.2 million (2.3%).

According to Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, the manufacturing sector was the main driver for the environmental protection expenditure with a share of 80.1 per cent. This sector grew by 9.2 per cent (2019: 19.8%) driven by four main subsectors namely refined petroleum products, crude palm oil, inorganic compounds as well as rubber gloves. The environmental protection expenditure for rubber gloves manufacturing subsector increased 2.3 times higher than previous year as production ramped up to meet the global demand during pandemic. The rubber gloves exports showed a remarkable growth of 104.5 per cent to RM35.9 billion in 2020 (2019: RM17.6 billion) as compared to average annual growth of 9.8 per cent for the period of 2016 to 2019.


The Services sector is the second largest contributor at 12.3 per cent (RM366.7 million), contracted by 11.4 per cent, followed by Mining & quarrying at 3.4 per cent (RM100.4 million), increased by 4.3 per cent. Meanwhile, the Construction sector contributed 3.0 per cent (RM88.4 million) to the total environmental protection expenditure, declined by 45.2 per cent, while Agriculture, Forestry & Fishing which constituted 1.2 per cent share (RM34.9 million), rose by 6.9 per cent.

The Chief Statistician Malaysia further added that the pandemic has resulted to an increase in the environmental protection expenditure for the waste treatment and disposal subsector with an expenditure of RM162.7 million (2019: RM155.1 million), grew by 4.9 per cent. This was mainly due to the increase in quantity of clinical waste from health facilities including personal protective equipment (PPE) and COVID-19 test equipment for handling of COVID -19 patients in the health facilities and government-gazetted quarantine centers.

In addition, Johor spent the largest amount of environmental protection expenditure in 2020 at RM808.8 million, followed by Selangor at RM530.4 million and Terengganu at RM236.4 million. These three states accounted for 53.0 per cent of the total expenditure.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022.



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
22 JUNE 2022